



**MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU)
BIL 10 / 2019/2020**

TARIKH : 23 JUN 2020 (SELASA)
MASA : 9.00 PAGI
TEMPAT : SECARA DALAM TALIAN

1. Prof. Madya Dr. Noor Hazarina Hashim	Sekolah Pengajian Siswazah (Pengerusi)	10/10
2. Prof. Dr. Nazri bin Ali	Sekolah Pengajian Siswazah	8/10
3. Dr. Norah binti Md Noor	Sekolah Pengajian Siswazah	10/10
4. Prof. Madya Dr. Siti Zaleha Abdul Rasid	Sekolah Pengajian Siswazah (UTMKL)	7/10
5. Prof. Madya Dr. Siti Sophiayati Yuhaniz	Sekolah Pengajian Siswazah (UTMKL)	10/10
6. En. Asram bin Sulaiman @Saim	Fakulti Kejuruteraan	10/10
7. En. Nasir bin Osman	Fakulti Teknologi dan Informatik RAZAK (FTIR)	10/10
8. En. Zurik Azaham bin Aris	Malaysian-Japan International Institute of Technology (MJIIT)	9/10
9. Pn. Khairani binti Ibrahim	Pejabat Pendaftar Akademik UTM (UTM ARO)	9/10
10. En. Abdul Razak Abdul Aziz	Bahagian Pengurusan Akademik (AMD)	2/2
11. En. Abdul Jalil bin Maulani	Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU)	5/6
12. Cik Radiatul Hadaviyah binti Ramlan	Azman Hashim Business School (AHIBSKL)	9/10
13. Cik Hazlina binti Stam	Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK)	10/10
14. Puan Norharyani binti Hamid	Azman Hashim Business School (AHIBSKL)	10/10
15. Pn. Nurul Ain binti Mohd. Yunos	Fakulti Teknologi dan Informatik RAZAK (FTIR)	5/6
16. En. Mohd Zaires Md Daris	Sekolah Pengajian Siswazah	10/10
17. Pn. Farahana binti Ahmad	Sekolah Pengajian Siswazah (UTMKL)	8/9
18. Pn. Najwa binti Mohamed	Bahagian Rekrutmen & Pengambilan Mahasiswa (SRAD)	7/10
19. Pn. Nurun Nazrah binti Ahmad	Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU)	10/10
20. Pn. Hjh. Nor Azlinda binti Abu Bakar	Fakulti Sains	9/10
21. Pn. Syahida Fadilla binti Mokhtar	Fakulti Sains (FS)	8/10
22. Puan Safriza binti Sabjah	Bahagian Pengurusan Akademik (AMD)	3/3

BIL	TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)	FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Prof. Madya Dr. Kassim bin Jalil	Bahagian Rekrutmen & Pengambilan Mahasiswa (SRAD)	0/10
2.	En. Khairull Azmi bin Ishak	Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSH)	0/6
3.	En. Syazli bin Md Tahir	UTM International (UTMI)	8/10
4.	Pn. Nurazlyna binti Mohamad Marjid	Fakulti Kejuruteraan	3/10
5.	Pn. Nor Qamariah binti Othman	Azman Hashim Business School (AHIBSJB)	9/10

BIL	TURUT HADIR	FAKULTI/JABATAN
1.	Prof. Fadhilah binti Yusof	Fakulti Sains (FS)
2.	Prof. Madya Dr. Aznizam Abu Bakar	Sekolah Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga (SKT)
3.	Prof Madya Dr. Mohamed Afendi Mohamed Piah	Sekolah Kejuruteraan Elektrik (SKE)
4.	Prof. Madya Dr. Suhaimi bin Abu Bakar/Md. Ramli	Sekolah Kejuruteraan Awam (SKA)
5.	Prof. Dr. Izman bin Sudin	Sekolah Kejuruteraan Mekanikal (SKM)
6.	Prof. Madya Sr.Dr. Razali Adul Hamid	Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU)
7.	Prof. Madya Dr. Azlina Mohd Kosnin	Sekolah Pendidikan (SP)
8.	Prof. Madya Dr. Rohaida Basiruddin	Azman Hashim Int. Business School (AHIBSKL)
9.	Prof. Madya Dr Khairur Rijal Jamaludin	Fakulti Teknologi & Informatik Razak (FTIR)
10.	Prof. Madya Dr. Nor Azwadi Che Sidik	MJIIT
11.	Dr. Mohamed Sukri bin Mat Ali	MJIIT
12.	Cik Norazlina binti Azizi	Urus setia
13.	Puan Nor Kamsiah binti Manan	Urus setia
14.	Puan Eka Amira binti Rahim	Urus setia
15.	Pn. Masliyana binti Khalid	Urus setia
16.	Cik Nor Anies binti Tilun	Urus setia
17.	Pn. Julianah binti Samion	Urus setia
18.	Pn. Noraliza binti Tasiran	Urus setia

1.0 ALUAN Pengerusi

Pengerusi memulakan mesyuarat dengan Al-Fatihah dan mengucapkan terima kasih kepada ahli yang telah hadir untuk mesyuarat pada kali ini. Seterusnya beliau menyampaikan pesanan berkenaan perkara-perkara berikut:

1.1 Statistik Graduan & GOT PhD

Pengerusi membentangkan maklumat pencapaian graduan PhD. Graduan PhD untuk bulan Jun 2020 adalah seramai 36 orang. Ini menjadikan jumlah keseluruhan graduan PhD sehingga Jun 2020 adalah seramai 227 graduan dengan graduan yang GOT MyRa II adalah seramai 43 orang (18.9%). Pengerusi meminta agar fakulti meningkatkan momentum ini supaya sasaran yang ditetapkan untuk tahun 2020 tercapai.

Makluman Semua

1.2 Statistik Graduan dan GOT Sarjana

Pengerusi memaklumkan bahawa graduan Sarjana Penyelidikan untuk bulan Jun 2020 adalah seramai 10 orang dan sehingga kini jumlah keseluruhan graduan adalah seramai 98 dan graduan GOT masih kekal seramai 4 orang sahaja (4.1 %).

Makluman Semua

1.3 Sasaran Graduan Doktor Falsafah Mengikut fakulti

Pengerusi mengambil maklum bahawa di dalam tempoh PKP banyak perkara terjejas. Oleh yang demikian, fakulti diminta untuk menyemak semula pencapaian masing-masing. Ada fakulti yang telah dan boleh mencapai sasaran dan ada fakulti yang masih tidak menepati pencapaian atau sasaran. Berdasarkan anggaran bagi sasaran akan datang adalah seramai lebihkurang 500 pelajar lagi yang akan bergraduan (PhD dan Sarjana). Fakulti diminta untuk menyemak semula sasaran dan membentangkan sasaran terkini masing-masing di dalam mesyuarat akan datang.

Manakala bagi fakulti yang tidak mempunyai bilangan graduan diminta untuk menganalisa pencapaian dan keberadaan status pelajar dan menetapkan sasaran terkini di dalam JKA fakulti. Dekan-dekan telah dimaklumkan perkara ini di dalam Mesyuarat JKTS yang lalu.

Tindakan : Semua Fakulti

1.4 Pengurusan Kemasukan Pelajar Pasca Siswazah

1.4.1 Pengerusi memaklumkan bahawa kemasukan pelajar ke kampus adalah berada di Fasa satu (1) yang telah bermula pada 14 Jun 2020 dan ianya tertumpu kepada pelajar Doktor Falsafah dan Sarjana penyelidikan sahaja. Semua kelulusan kemasukan termasuk proses rayuan dan proses meluluskan "Health Declaration Form" (HDF) adalah dikendalikan sepenuhnya oleh SPS. Fasa dua (2) akan bermula 1 Julai 2020 dan prosesnya dikehendalkan oleh Pn Hanifah (Timbalan Pendaftar Kanan JTNCAA) dengan bantuan semua penyelarass fakulti yang dilantik. Pengerusi berharap supaya pihak

fakulti mengambil maklum dan membuat penyediaan dari susun atur jadual pelajar dan fasiliti yang akan digunakan.

- 1.4.2 En. Asram bin Sulaiman (Timbalan Pendaftar Kanan, Fakulti Kejuruteraan) memaklumkan bahawa kebanyakan pelajar Fakulti Kejuruteraan yang memohon kembali ke kampus adalah dikalangan pelajar yang akan menduduki peperiksaan akhir dan ianya melibatkan pelajar prasiswazah (UG). Mereka akan ditempatkan di satu dewan yang besar dengan mengikuti SOP yang ditetapkan.

- 1.4.3 En. Zurik bin Azaham bin Aris (Timbalan Pendaftar MJIIT) memaklumkan bahawa pelajar hanya boleh memohon untuk satu tujuan sahaja pada satu tarikh, di mana pelajar yang telah mendapat kelulusan menduduki asrama tidak akan dapat memohon untuk tujuan memasuki kampus. Encik Zurik mencadangkan perbincangan lanjut di atur dengan pihak HEP untuk tujuan penyelarasan dan penyelesaiannya.

Pn Nor Kamsiah binti Manan (Penolong Pendaftar SPS) memaklumkan bahawa tujuan utama kemasukan pelajar adalah untuk penyelidikan dan P&P. Sehubungan dengan itu pelajar dicadang untuk mengisi tujuan utama dahulu dan kelulusan tersebut boleh digunapakai untuk permohonan masuk ke kolej dengan mengemukakan 'screenshot' paparan kelulusan di UTMSMART.

- 1.4.4 En. Asram bin Sulaiman (Timbalan Pendaftar Kanan, Fakulti Kejuruteraan) memaklumkan bahawa di dalam fasa pertama ini, pihak kolej memerlukan surat dari pihak fakulti bagi tujuan kemasukan kampus. Ini kerana di dalam sistem HEP, tidak ada pilihan yang boleh dipilih bagi tujuan menduduki peperiksaan, masuk makmal dan lain-lain. Oleh sebab demikian, surat sokongan dari fakulti diperlukan untuk permohonan masuk ke kolej.

Pn. Nor Kamsiah binti Manan mencadangkan agar perkara ini akan dimasukkan di dalam kelulusan di dalam sistem bagi fasa yang kedua kerana fasa pertama telah pun dilaksanakan sepenuhnya.

- 1.4.5 Pengerusi juga memaklumkan bahawa pelajar boleh mengisi HDF melalui 2 cara iaitu MyUTM dan UTMSMART. Walau bagaimanapun, MyUTM hanya boleh mengisi HDF sahaja dan permohonan masuk ke kampus adalah menerusi UTMSMART. Oleh yang demikian, pelajar yang telah mendapat kelulusan di UTMSMART hendaklah membuat salinan notifikasi emel kelulusan dan hantar ke fakulti untuk rekod bagi membolehkan pelajar dibenarkan masuk ke kampus dan makmal.

- 1.4.6 Prof. Madya Dr. Azlina binti Kosnin (TDA,FSSH) membangkitkan isu berkaitan proses kemasukan pelajar yang akan menduduki peperiksaan di UTM. Ini kerana pihak UTMLead sedang mengumpulkan nama pelajar yang akan menjalani peperiksaan di UTM dan IPTA lain yang terdekat.

Pengerusi kemudiaannya memaklumkan bahawa prosedur kemasukan pelajar yang berkenaan adalah menggunakan prosedur

yang sama untuk tujuan kemasukan bagi tujuan penyelidikan dan PdP. Namun begitu, hasrat utama kajian itu adalah untuk mengetahui jumlah pelajar yang tinggal jauh dari UTM untuk menjalani peperiksaan. Hasil dari kajian yang dijalankan, didapati kebanyakan pelajar ingin menjalani peperiksaan di UTM. Walau bagaimanapun, perkara ini akan dibuat susulan dan respon dengan pihak UTMLead.

**Tindakan : Semua Fakulti/
SPS**

1.5 Borang Pelantikan Penyelia

Borang pelantikan penyelia yang baharu telah dimuat naik di dalam web SPS dan bermula 1 Julai 2020 borang ini akan digunapakai sepenuhnya dan rujukan borang terkini adalah UTM.SPS.B(BPKA)/13/2018-PIND 1/2020.

Makluman : Semua

1.6 Statistik Pengurusan Peperiksaan Lisan (VIVA)

Setakat 22 Jun 2020, jumlah keseluruhan VIVA yang telah dapat dilaksanakan adalah sebanyak 278 VIVA. Walaupun pelaksanaan VIVA dijalankan secara dalam talian, ianya tidak menghalang fakulti untuk melaksanakannya dengan jayanya. Di dalam tempoh PKPP ini, selain perlaksanaan VIVA secara dalam talian, fakulti juga dibenarkan melaksanakan VIVA secara *face-to-face* dengan mematuhi SOP yang ditetapkan dan mendapat persetujuan bersama diantara pihak-pihak yang terlibat. Kedua kaedah ini juga dibenarkan untuk perlaksanaan *proposal defense*.

Tindakan : Semua Fakulti

1.7 Statistik Pengisian Laporan Kemajuan Pelajar

Pengerusi memaklumkan bahawa seramai 283 pelajar yang tidak mengisi laporan kemajuan dan fakulti perlu membuat keputusan bagi menentukan kedudukan dan status pelajar-pelajar tersebut. Pihak SPS tidak lagi menerima rayuan daripada pelajar. En. Asram bin Sulaiman memaklumkan bahawa ada kebarangkalian bilangan tidak mengisi laporan kemajuan itu akan berubah, kerana ada dikalangan mereka yang mungkin telah mengemukakan permohonan tangguh pengajian akibat terkesan oleh pandemic covid19 atau mereka adalah juga yang tergolong dari pelajar semester maksimum yang masih belum membuat keputusan samada memilih untuk mengambil penangguhan pengajian dengan mendapat tambahan satu semester yang diberi tempoh samada memajukan tesis atau tidak sehingga 1 Oktober 2020 (merujuk kepada Pekeliling Akademik JTNCAA Bil 3/2020 bertarikh 5 April 2020).

Pengerusi juga memaklumkan bahawa statistik mungkin akan lebih rendah dengan isu lain seperti pelajar baharu mendaftar dan pelajar yang melangsaikan hutang yang akan mengisi.

Seramai 6 orang penyelia yang tidak menghantar laporan kemajuan pelajar. Fakulti terlibat diminta untuk menghubungi penyelia-penyelia tersebut dengan segera.

Tindakan : Semua Fakulti

1.8 UTM Pesisir

- 1.8.1 Pengerusi memaklumkan bahawa program pesisir akan menggunakan peperiksaan *synchronous* secara dalam talian menggunakan UTM E-Learning dan beberapa prosedur penting akan diambil sebelum dan selepas peperiksaan dijalankan. Peperiksaan secara dalam talian ini akan berdurasi maksimum selama 3 jam. Berikut merupakan faktor-faktor yang perlu diambil kira bagi mewujudkan peperiksaan secara dalam talian:
- Perlu memastikan pelajar mempunyai capaian internet yang sangat baik.
 - Pelajar perlu peka bahawa akan melibatkan implikasi kewangan bagi pelajar kerana peperiksaan ini memerlukan *live conferencing*.
 - Pelajar sekurang-kurangnya mempunyai desktop atau laptop yang lengkap dengan kamera. Pelajar perlu memastikan mempunyai kelengkapan bekalan elektrik yang baik.
 - Pelajar yang berada di dalam Program Akademik perlu mendapatkan Professional Body Accreditation
 - Peperiksaan dibenarkan dijalankan secara *Open-book* atau *closed book*.
 - Sekurang-kurangnya 2 set kertas peperiksaan berasingan akan diberikan secara rawak kepada pelajar.
- 1.8.2 Berikut merupakan kelayakkan bagi menduduki peperiksaan secara dalam talian:
- Pelajar dikehendaki melengkapkan maklumat di dalam internet dan kelengkapan komputer dan borang compatibility untuk menduduki peperiksaan secara dalam talian.
 - Sekiranya pelajar tidak memenuhi syarat kelayakan yang dinyatakan, pelajar diminta untuk menghubungi Pensyarah berkaitan.
 - Pelajar diminta menghantar borang yang telah lengkap ke Sekolah atau Pejabat Akademik Fakulti.
 - Pensyarah yang berkaitan akan memaklumkan jenis peperiksaan yang akan dijalani oleh pelajar. Ini kerana setiap peperiksaan secara dalam talian adalah berbeza bagi setiap matapelajaran.
 - Di dalam kesemua peperiksaan dalam talian, penilaian dan nilai peperiksaan tersebut akan ditentukan oleh pihak Universiti bagi mengesan salahlaku peperiksaan.
- 1.8.3 Pengerusi meminta agar pelajar yang menghadapi masalah internet dan atau tidak dapat membuat peperiksaan secara dalam talian, disarankan agar datang ke kampus bagi menduduki peperiksaan. Sehubungan dengan itu, Pengerusi meminta kerjasama semua Timbalan Dekan dapat memberi taklimat kepada semua pensyarah yang terlibat bagi menyampaikan dan memaklumkan perkara yang dibenarkan dan tidak dibenarkan serta risiko-risikonya untuk pelaksanaan peperiksaan secara dalam talian. Pemakluman dan kesediaan ini penting bagi memastikan peperiksaan secara *Synchronous* ini berjalan lancar dan intergriti serta kualiti peperiksaan terpelihara.
- 1.8.4 Prof. Dr. Nazri bin Ali (SPS) juga memaklumkan bahawa permohonan oleh pihak Pesisir kepada UTMLead berkaitan penggunaan peperiksaan secara dalam talian menggunakan *e-learning* hanya untuk pelajar program Pesisir

sahaja. Sehubungan dengan itu, bagi pensyarah program perdana yang ingin menggunakan khidmat tersebut perlulah membuat permohonan kepada UTMLead.

- 1.8.5 Prof. Dr. Izman Bin Sudin (SKM) membangkitkan isu berkaitan kapasiti bilangan pelajar yang bakal menduduki peperiksaan online pada satu masa /satu (1) hari. Ini kerana jika jumlah ditambah mengikut sekolah/fakulti, kemungkinan jumlah pelajar akan melebihi satu ribu (1000) dan kebarangkalian untuk lulus permohonan peperiksaan secara dalam talian adalah rendah.

Dr Norah binti Md Noor memaklumkan penggunaan peperiksaan secara dalam talian perlu memohon juga kepada pihak UTMLead agar di dalam pengetahuan UTMDigital mengenai jumlah pelajar yang menduduki peperiksaan secara atas talian pada tarikh berkenaan, iaitu dengan memohon di <https://olc.utm.my/>. Pihak UTMDigital akan memaklumkan jika terdapat sebarang masalah seperti melebihi kapasiti dan sebagainya.

- 1.8.6 Dr Norah binti Md Noor memaklumkan bahawa UTM telah menetapkan 4 langkah bagi menjaga integriti pelaksanaan peperiksaan dalam talian walaupun tidak dilaksanakan secara serentak/segerak (synchronous) iaitu:

- i. Pelajar mempunyai ID dan password untuk capaian ke *e-learning*.
- ii. Kertas peperiksaan hanya dibenarkan di buka pada waktu yang ditetapkan.
- iii. Pensyarah perlu menyediakan sekurang-kurangnya 2 set kertas soalan.
- iv. Pelajar perlu menghantar kertas jawapan interim sebelum tempoh tamat

Makluman : Semua

2.0 MELULUSKAN MINIT MESYUARAT JAPSU BIL 9/2019/2020

Minit mesyuarat JAPSU bil 9/2019/2020 diluluskan dengan sebulat suara dengan pembetulan seperti berikut:

- 2.1** Kehadiran En. Abd. Jalil bin Maulani (beliau hadir).

Makluman : Semua

3.0 STATUS SEMAKAN KURIKULUM PASCASISWAZAH

Dr Norah binti Md Noor membentangkan status semakan kurikulum Pascasiswazah yang telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum bil 4/2020 sepertimana berikut:

- 7 kertas kerja telah diluluskan di peringkat Senat
- kertas kerja diluluskan di JKTS KKA
- 20 kertas kerja diluluskan di peringkat JKKU
- 7 kertas kerja yang telah melepasi JKAF/JKAS
- 9 program akan diumumkan, 5 belum diakreditasi dan 3 program di Rebrand/ Transfer.
- 43 masih di peringkat semakan.

Pada 1 Julai 2020 satu klinik semakan kurikulum akan dijalankan oleh pihak SPS. Bagi UTMKL akan dibuat secara dalam talian dan tarikh akan dimaklumkan kemudian.

3.1 Dimaklumkan bahawa terdapat beberapa pindaan di dalam kertas kerja yang perlu dikemaskini iaitu:

- i. Bahagian 6 - perlu memasukkan lokasi yang aktif termasuk program pesisir.
- ii. Bahagian 7- nama penganugerahan program perlu dinyatakan di dalam Bahasa Malaysia dan juga Bahasa Inggeris.
- iii. Bahagian 12 – sesi pengajian kurikulum perlu dinyatakan sesi berkuatkuasa digunakan. (Semester II 2020/2021).
- iv. Bahagian 14 - kredit bergraduat perlu dinyatakan jumlah kredit graduat program sedia ada.
- v. Bahagian 15 – Kaedah dan tempoh pengajian perlu memasukkan maklumat program sedia ada.
- vi. Bahagian 17 – program akademik yang disemak hendaklah mempunyai kebolehpasaran dan boleh meminta maklumat dari UTM Illegue.
- vii. Maklumat pengajian – perlu menggunakan CI template dari laman web CIDU.
- viii. Bahagian 19 – perlu memasukkan maklumat PEO.

3.2 Puan Najwa Binti Mohamed(SRAD) menyarankan untuk program yang diumumkan perlu memaklumkan kepada pihak SRAD dengan lebih awal untuk tindakan selanjutnya. Pihak SRAD akan mengeluarkan senarai program yang diumumkan tersebut dari senarai penawaran untuk sesi dan semester akan datang.

Mesyuarat dimaklumkan oleh Dr Norah binti Md Noor bahawa kurikulum baru ini akan bermula pada semester II 2020/2021.

3.3 Agihan peratusan kredit mengikut komponen kurikulum berdasarkan keperluan MPTN-MQA adalah merujuk kepada standard program ataupun badan profesional masing-masing. Jika tiada peratusan kredit dicadangkan mengikut keperluan program berdasarkan komponen kurikulum seperti di dalam jadual maka hendaklah pastikan jadual klasifikasi komponen perubahan kurikulum dimasukkan ke dalam kertas kerja.

3.4 Pengerusi meminta slaid maklumat kurikulum ini di kongsi kepada semua penyelarar agar maklumat dapat dikemaskini.

Tindakan : Urus Setia SPS (BPSP)

4.0 LAPORAN BAHAGIAN AMD

Pn. Safriza binti Sabjah dari Bahagian Pengurusan Akademik melaporkan berikut:

4.1 Jadual urusan peperiksaan dan pengijazahan untuk semester II sesi 2019/2020 akan dilaksanakan seperti berikut:

- i. Peperiksaan akhir adalah pada 5 hingga 23 Julai 2020 bagi UTMJB dan 6 hingga 24 Julai 2020 bagi UTMKL
- ii. Kemasukkan markah bermula 5 hingga 27 Julai 2020 dan selepas tarikh ini pensyarah perlu memasukkan markah sendiri di Pejabat Pengurusan Akademik fakulti masing-masing sehingga 30 Julai 2020.
- iii. 18 hingga 19 Oktober 2020 Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan & Pengijazahan
- iv. 20 Ogos 2020 keputusan peperiksaan pelajar dalam talian.
- v. Peperiksaan khas akan dijalankan pada 23 Ogos hingga 4 September 2020 bagi UTMJB dan 23 Ogos 2020 hingga 4 September bagi UTMKL

Makluman : Semua

4.2 Berikut merupakan tarikh penting yang perlu diambil maklum oleh semua pihak bagi semester pendek 2019/2020:

- i. Pendaftaran kursus secara dalam talian bermula 26 hingga 31 Julai 2020.
- ii. Pendaftaran lewat berenda bermula 3 hingga 7 Ogos 2020.
- iii. Perubahan pendaftaran kursus (online) : 9 hingga 14 Ogos 2020.
- iv. Pengguguran kursus bermula 16 hingga 24 Ogos 2020.

Kuliah sem pendek 2019/2020 akan bermula dari 3 Ogos sehingga 24 September 2020.

Makluman : Semua

4.3 Tindakan Susulan Keputusan Mesyuarat JKTS (P&P)

Pn.Safriza binti Sabjah juga memaklumkan tindakan fakulti susulan dari Mesyuarat JKTS P&P pada 16 Jun 2020 berkaitan pelajar aktif tidak daftar kursus semester II, sesi 2019/2020 adalah berikut:

- i. Fakulti perlu menghantar notis peringatan akhir kepada pelajar aktif tidak daftar kursus yang ditangguhkan keputusannya dalam Mesyuarat JKTS P&P pada 16 Jun 2020. Fakulti diminta mendapatkan bantuan Penyelia atau Penyelaras bagi mendapatkan persetujuan pelajar untuk meneruskan pengajian. Status perkembangan perlu dilaporkan dalam Mesyuarat JKTS P&P pada 21 Julai 2020.
- ii. Fakulti perlu menghubungi pelajar yang berada pada semester maksimum untuk mendaftar kursus semester ini bagi membolehkan mereka mendapat kemudahan tangguh pengajian (kelulusan khas Senat) seperti dalam Pekeliling Akademik JTNCAA Bil.3/2020.
- iii. Pelajar yang berhutang secara amnya diberi kelonggaran oleh Bendahari untuk membayar 30% daripada jumlah hutang bagi membolehkan mereka mendaftar kursus semester ini. AMD akan mengadakan perbincangan lanjut dengan pihak Bendahari berkaitan perkara ini pada 25 Jun 2020. Bagi pelajar berhutang yang telah menjelaskan sebahagian hutang mereka kepada Bendahari, Fakulti perlu memaklumkan kepada pelajar supaya

mengemukakan borang pendaftaran kursus selewat-lewatnya pada 30 September 2020 bagi membolehkan pihak AMD mendaftarkan kursus mereka.

- iv. Fakulti perlu membawa PERAKUAN DIBERHENTIKAN bagi pelajar yang tidak memberikan sebarang maklum balas sehingga 1 Oktober 2020. Perakuan untuk diberhentikan perlu dibawa dalam Mesyuarat JKTS P&P pada bulan Oktober 2020.

Pn Safriza bin Sabiah memaklumkan pelajar yang sudah diperakukan berhenti oleh pihak fakulti pada Mesyuarat JKTS yang lepas adalah berjumlah 65 pelajar Doktor Falsafah dan ianya akan dibawa ke Mesyuarat Senat yang akan berlangsung pada 24 Jun 2020 ini.

Tindakan : Semua Fakulti

5.0 LAPORAN SRAD – PEMURNIAN SYARAT KEMASUKAN KE PROGRAM PASCASISWAZAH

Pn Najwa binti Mohamed dari Bahagian Rekrutmen & Kemasukan Mahasiswa (SRAD) membentangkan perkara berikut:

5.1 Kertas Kerja Pemurnian Syarat Kemasukan Ke Program Pengajian Pascasiswazah

- 5.1.1 Tujuan kertas kerja adalah memohon kelulusan dan perakuan Senat mengenai cadangan pemurnian syarat kemasukan dan syarat kompetensi Bahasa Inggeris ke program pascasiswazah.

Makluman : Semua

- 5.1.2 Latarbelakang kertas kerja ini:

Enrolmen Pelajar Antarabangsa telah meningkat, dan UTM harus berganjak dari Fasa I (Mass Intake) ke Fasa II (Quality Intake) dan pada yang sama membuka peluang lebih besar untuk pengajian pascasiswazah sebagai pasaran *life-long learning*.

Pemurnian Syarat Bahasa Inggeris perlu dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti ambilan dari aspek penguasaan Bahasa Inggeris pelajar antarabangsa.

Bagi meluaskan *recruitment funnel* dan sesuai dengan konsep *Life-long Learning* di peringkat pascasiswazah, syarat kemasukan perlu di setarakan dengan syarat yang ditentukan MQA.

Makluman : Semua

- 5.1.3 Kertas kerja telah bawa ke **SENAT** pada **29 april 2020 dan telah diluluskan di dalam senat.**

Rujukan kelulusan Senat adalah berdasarkan kelulusan-kelulusan berikut:

- i. Kertas Kerja Senat Bil. 01/2018/2019/05 - Pemurnian Syarat Kemasukan Ke Program Pengajian Siswazah Untuk Meningkatkan Calon Pengajian Siswazah Sepanjang Hayat (diluluskan pada 19 September 2018)
- ii. Kertas Kerja Senat Bil. 4/2018/2019/11- Pemurnian Syarat Bahasa Inggeris Bagi Kemasukan Pelajar Antarabangsa (diluluskan pada 12 Disember 2018).
- iii. Kertas Kerja ini yang telah diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Kurikulum & Kualiti (JKTS KKA) pada 15 April 2020.

Makluman : Semua

5.2 Cadangan 1 - Pensetaraan Kemasukan Ke Program Sarjana Dengan Syarat Kemasukan Minimum Yang Ditentukan Oleh Malaysian Qualification Agency (MQA)

Membenarkan golongan profesional (working professional) lepasan ijazah sarjana muda dengan PNGK kurang dari 2.5 serta mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan untuk mengikuti program Sarjana di UTM tanpa menghadkan PNGK minima 2.0.

Membuka peluang kepada lebih ramai golongan professional untuk mengikuti program pasca siswazah di UTM termasuk lepasan universiti atau institusi yang membenarkan syarat bergraduat dengan PNGK di bawah 2.0 seperti universiti di Nigeria, Saudi Arabia, dan Maldives yang menggunakan syarat bergraduat 2.0 daripada skala 5.0 (setaraf dengan PNGK 1.6/4.0).

Cadangan sebelum ini boleh dipertimbangkan mengambil pelajar ini dengan mengambil kira pengalaman kerja dan melihat *ranking* universiti mereka lagi tinggi sebenarnya dan syarat yang diambil akan setarakan dengan syarat MQA

Cadangan Perlaksanaan: Ambilan Oktober 2020 (Semester 1, Sesi 2020/2021)

Makluman : Semua

5.3 Cadangan 2 - Memantapkan Syarat Bahasa Inggeris Bagi Pelajar Pascasiswazah Antarabangsa

- i. **HANYA MENGGUNAPAKAI** syarat minimum Bahasa Inggeris skala B2 CEFR (Common European Framework of Reference for Languages) sesuai dengan Pekeliling Kementerian Pengajian Tinggi.
- ii. **MEMANSUHKAN** syarat IELTS 5.5 (atau setaraf) dan 120 jam kursus Bahasa Inggeris sebagai syarat minimum Bahasa Inggeris. Tiada lagi kelas dari language academy.
- iii. **MEMANSUHKAN** syarat IELTS 5.5 (atau setaraf) dan kursus English for Postgraduate (EPG) sebagai syarat minimum Bahasa Inggeris.
- iv. **MEWAJIBKAN** syarat Bahasa Inggeris bagi pelajar lepasan Ijazah Sarjana Muda dan setaraf dari IPT Bangladesh (bagi kemasukan ke program Sarjana) dan Sarjana dan setaraf (bagi kemasukan ke program Doktof Falsafah)

- v. **Cadangan Perlaksanaan:** Ambilan Februari 2021 (Semester 2, Sesi 2020/2021)

Pengerusi membangkitkan isu berkaitan kelulusan permohonan bagi pengalaman kerja yang tidak jelas akan disemak dan diluluskan oleh pihak SRAD atau pihak fakulti. Ini kerana, pengerusi pernah meminta di dalam Mesyuarat Senat bahawa kelulusan itu ditentukan oleh fakulti.

Pn Najwa binti Mohamed memaklumkan untuk calon kerja kursus yang pengalaman kerja yang tidak jelas akan dihantar ke fakulti untuk semakan dan penilaian rapi sebelum kelulusan.

Makluman : Semua

6.0 PERAKUAN PELANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR DOKTOR FALSAFAH (PhD) - NOTIS HANTAR TESIS (NHT)

6.1 FAKULTI KEJURUTERAAN

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi sekolah seperti berikut:

6.1.1 SEKOLAH KEJURUTERAAN AWAM (SKA)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	ABUBAKAR SADIQ MUHAMMED	PKA173041
2	MAIRIZAL	EKA162005
3	RUHAL PERVEZ MEMON	PKA153034
4	THANWA FILZA BINTI NASHRUDDIN	PKA143042

6.1.2 SEKOLAH KEJURUTERAAN ELEKTRIK (SKE)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	ABBA LAWAN BUKAR	PKE173038
2	MUHAMMAD LUQMAN BIN MOHD NAPI	PKE163047
3	SHAHRIYAR MASUD RIZVI	PKE173035
4	WONG KIEN LIONG	PKE173008

6.1.3 SEKOLAH KEJURUTERAAN BIOOPERUBATAN & SAINS KESIHATAN (SKBSK)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	TARIQ IBRAHIM ABDEL LATIF ALSHWAHEEN	PMB173021

6.1.4 SEKOLAH KEJURUTERAAN KIMIA KEJURUTERAAN TENAGA (SKT)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	MOHD HAIQAL BIN ABD AZIZ	PKK163068
2	TAI ZHONG SHENG	PKK163049

6.1.5 FAKULTI KEJURUTERAAN (FE)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	MUHAMMAD NIDZHOM BIN ZAINOL ABIDIN	PLP163016
2	NORFAZILAH MUHAMAD	PLP153004
3	NUR FAZIRAH BINTI JUMARI	PLP143003
4	NUR SHAHIRA BINTI SAMSURI	PLP153007
5	SUMARNI BINTI MANSUR	PLP163017

Tindakan : SPS & Fakulti Kejuruteraan

6.2 FAKULTI ALAM BINA DAN UKUR

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	BABANGIDA BAIYA	PGH173016
2	MUHAMMAD YUSAIMI BIN ABDUL HAMID	PGH163027
3	NUR NASIHA BINTI MOHD SARON	PG123017
4	OLORUNTOBI OLAKUNLE OLUWATOSIN	PBE163014
5	ZARINA ZA'BAR	PBE153016

Tindakan : SPS & FABU

6.3 FAKULTI SAINS

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	AMIRUL AIZAD BIN AHMAD FUAD	PSC163035
2	AZHAR MASAUD	PSC153052
3	SITI SALMAH BINTI YASIRAN	PSC143052

Tindakan : SPS & Fakulti Sains

6.4 FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

6.4.1 SEKOLAH PENDIDIKAN

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	ALIYU BAKO	PPP173046
2	HANIM BINTI ZAINAL	PPP173040
3	IDRIS MOHAMMED ABDULLAHI	PPP173066

Tindakan : SPS & FSSK

6.4.2 AKADEMI TAMADUN ISLAM (ATI)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	ALASHARI DUAA MOHAMMED D	PIC183001
2	KHAIRUL NIZAM BIN MOHD KHALID	PIC173003
3	RUHAYATI BINTI RAMLY	PI133007

Tindakan : SPS & ATI

6.5 RAZAK FAKULTI TEKNOLOGI DAN INFORMATIK (RFTI)

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	MOHD IZDIHAR BIN OMAR	PRS153013
2	NARGIS FATIMA	PAN173011
3	NITHIYA A/P ARUMUGAM	PRS163026

Tindakan : SPS & RFTI

6.6 SEKOLAH PERNIAGAAN ANTARABANGSA AZMAN HASHIM (AHIBS)

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	WONG CHIET BING	PHA163019

Tindakan : SPS & AHIBS

6.7 MALAYSIA JAPAN INTERNATIONAL INSTITUTE OF TECHNOLOGY (MJIIT)

- 6.7.1 Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	SALMAH BINTI MOOSA	PMJ153038

- 6.7.2 Mesyuarat **TIDAK MELULUSKAN** pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK	CATATAN
1	MUHAMMAD HAFIZAN BIN YOSRI	PMJ153004	Dokumen tidak lengkap . PL (tiada affiliation) - UMP. Lihat semula dalam sistem

Tindakan : SPS & MJIIT

7.0 PELANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR SARJANA (MSc) – NOTIS HANTAR TESIS (NHT)

7.1 FAKULTI KEJURUTERAAN

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bagi sekolah seperti berikut:

7.1.1 SEKOLAH KEJURUTERAAN ELEKTRIK (SKE)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	AINY HAZIYAH BINTI AWAB	MKE173005
2	IZZATY BINTI MOHD ZAMBRI	MKE183020
3	LEE MEI XIANG	MKE173009
4	NOOR ERLIA NASHA BINTI SAMSURIA	MKE183002

7.1.2 SEKOLAH KEJURUTERAAN BIOPERUBATAN & SAINS KESIHATAN (SKBSK) :

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	AMIR MUSTAKIM BIN AB RASHID	MMB183021

7.1.3 SEKOLAH KEJURUTERAAN KIMIA KEJURUTERAAN TENAGA

(SKT)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	FAIZUL HAKIM BIN ELIDOR	MKK173009
2	JEGANES RAVI	MKK183024

7.1.4 SEKOLAH KEJURUTERAAN MEKANIKAL (SKM)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	ADAM MAXWELL DOUMIN	MKM183002
2	NG SENG HOOI	MKM173008

Tindakan : Fakulti Kejuruteraan

7.2 FAKULTI SAINS

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	NURDYANA BINTI RAMLEE	MSC173006
2	SITI NABILAH BINTI AMIR	MSC183012

Tindakan : Fakulti Sains

7.3 FAKULTI SAINS SOSIAL & KEMANUSIAAN (FSSK)

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bagi fakulti seperti berikut:

7.3.1 SEKOLAH PENDIDIKAN (SP)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	SADRIANA AYU	MPP183014
2	SITI MANISAH BINTI IBRAHIM	MPP163012

7.3.2 AKADEMI TAMADUN ISLAM (ATI)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	HANISAH BINTI ABDUL RAHMAN	MIC173019
2	TA HONN YU	MIC173009

Tindakan : FSSK

7.4 FAKULTI TEKNOLOGI DAN INFORMATIK RAZAK (RFTI)

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	TEE YI WEN	MRS183008

Tindakan : RFTI

7.5 MALAYSIAN JAPAN INTERNATIONAL INSTITUTE OF TECHNOLOGY (MJIIT)

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	MOHD HISHAMUDDIN BIN UNUH	MMJ163023
2	NATASHA NABILA BINTI IBRAHIM	MMJ163008
3	NURUL SYAZWANI BINTI DOLLAH	MMJ183017
4	SITI HAJAR BINTI NIK SYAHARU AZWAR	MMJ183020

Tindakan : MJIIT

8.0 PERMOHONAN PELANJUTAN NOTIS HANTAR TESIS

Mesyuarat telah bersetuju untuk meluluskan permohonan Pelanjutan Notis Hantar Tesis seperti berikut:

- 8.1 MOHD SYAFIQ BIN MOHD SURI (PKM153009) - SKM
- 8.2 YUSHAZAH BINTI MOHD YUNOS (PKM153008) - SKM
- 8.3 LAU CHONG LUH (PG123009) - FABU
- 8.4 NURUL AISYA BINTI ALMI (PG12303) - FABU
- 8.5 NUR HUSNA BINTI AZALI (PG123030) - FABU
- 8.6 SAFIRA NABILLA BINTI MUHAMMAD MUHIR (MGH163007) - FABU
- 8.7 MOGADEM ABEER IBRAHEEM A (PSC163026) - FS
- 8.8 NOOR RAIDAH BINTI ABD RAHMAN (PR123035) - AHIBSKL
- 8.9 H'NG YIN MUN (PMJ163004) - MJIIT

Makluman : Semua

9.0 PERMOHONAN PELANJUTAN NOTIS HANTAR TESIS DAN PELANTIKAN PANEL PEMERIKSA/PENGERUSI BAHARU

Mesyuarat telah bersetuju untuk meluluskan permohonan Pelanjutan Notis Hantar Tesis dan Pelantikan Panel Pemeriksa/Pengerusi Baharu seperti berikut:

- 9.1 VICKRAM THEVAR A/L VIJAYAN (PBE143003) – FABU
- 9.2 MUHAMMAD FADHIL BIN MARSANI (PSC163016) – FS
- 9.3 SITI MUNIRAH BINTI ABD WAHIB (PS123111) - FS

Makluman : Semua

10.0 PERMOHONAN PELANTIKAN PANEL PEMERIKSA/PENGERUSI BAHARU

Mesyuarat telah bersetuju untuk meluluskan pelantikan Panel Pemeriksa/Pengerusi Baharu seperti berikut:

- 10.1 ZARIS IZZATI BINTI MOHD YASSIN (PKE143043) – SKE
- 10.2 MEHDI POURMAZAHARIAN (PFF143007) – RFTI
- 10.3 CASSANDRA GAIL ABDULLAH (MRS173005) - RFTI

Makluman : Semua

11.0 PERMOHONAN PENGECCUALIAN/PENGURANGAN YURAN

11.1 PENGECCUALIAN YURAN PELAJARAN BAGI STAF UTM (PhD)

Mesyuarat telah bersetuju untuk meluluskan permohonan pengecualian yuran pelajaran bagi staf UTM untuk program PhD bagi semester pengajian yang dinyatakan seperti berikut:

BIL	NAMA	NO MATRIK	KEPUTUSAN MESYUARAT
1	Mohd Shah bin Sahri	PLP173004	Diperakukan pengecualian yuran pelajaran semester 2-2019/2020

11.2 PENGECCUALIAN YURAN PELAJARAN BAGI STAF UTM (Sarjana Falsafah)

Mesyuarat telah bersetuju untuk meluluskan permohonan pengecualian yuran pelajaran bagi staf UTM untuk program Sarjana bagi semester pengajian yang dinyatakan seperti berikut:

BIL	NAMA	NO MATRIK	KEPUTUSAN MESYUARAT
1	Norhernani binti Md Nor	MBE193011	Diperakukan pengecualian yuran pelajaran semester 2-2019/2020

11.3 PENGURANGAN YURAN PELAJARAN BAGI PASANGAN STAF

Mesyuarat telah bersetuju meluluskan pengurangan yuran pelajaran bagi pasangan staf UTM untuk semester pengajian yang dinyatakan seperti berikut:

BIL	NAMA	NO MATRIK	KEPUTUSAN MESYUARAT
1	Muhammad Najib bin Zamri	PC133011	Diluluskan pengurangan yuran pelajaran sejumlah 50% untuk semester 2-2019/2020
2	Noor Hayati binti Mohd Zain	PCS143003	Diluluskan pengurangan yuran pelajaran sejumlah 50% untuk semester 2-2019/2020

Makluman : Semua

11.4 PENGURANGAN YURAN PELAJARAN BAGI ANAK STAF

Mesyuarat telah bersetuju meluluskan pengurangan yuran pelajaran bagi anak staf UTM untuk semester pengajian yang dinyatakan seperti berikut :

BIL	NAMA	NO MATRIK	KEPUTUSAN MESYUARAT
1	Wan Ahmad Luqman bin Wan Ibrisam Fikry	MCS191018	Diluluskan pengurangan yuran pelajaran sejumlah 50% untuk semester 2-2019/2020
2	Ahmad Faiz Azizi bin Ahmad Fauzi	PBE173075	Diluluskan pengurangan Yuran Pelajaran sejumlah 50% untuk semester 2-2019/2020

Tindakan : SPS

12.0 HAL-HAL LAIN

12.1 Penggunaan Borang Baharu (PEKELILING AKADEMIK SPS bil 1/2020 - PINDAAN PADA PELAKSANAAN PENGANUGERAHAN IJAZAH LEBIH RENDAH BAGI PROGRAM IJAZAH DOKTOR FALSAFAH DAN PROGRAM DOKTOR FALSAFAH FAST TRACK)

Pengerusi mengingatkan semua fakulti berkenaan penggunaan borang-borang yang baharu bagi pelajar Phd dan pelajar Phd Fast-Track yang dikeluarkan menerusi Pekeliling Akademik SPS bil 1/2020 bertarikh 25 Februari 2020.

Pekeliling ini berkaitan pindaan untuk perlaksanaan Penganugerahan Ijazah Lebih Rendah tetapi pada **dua perkara yang berlainan** iaitu :

Perkara Pertama : Program PhD:

Pindaan adalah berikut:

- a) **KEPUTUSAN PEPERIKSAAN LISAN** BAGI PROGRAM IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PHD) untuk D dipinda kepada "Mendaftar semula sebagai pelajar sarjana penyelidikan".
- b) Pindaan **KAEDAH PELAKSANAAN DAN PENGANUGERAHAN** (proses kerja) sepertimana diterangkan sebagai 5 proses/kaedah di Pekeliling tersebut.

Pelajar yang mendapat keputusan D dibenarkan mendaftar semula sebagai pelajar Sarjana (Penyelidikan) dan pelajar layak menghantar tesis setelah 12 bulan memulakan pengajian. Pelajar juga dibenarkan untuk mengekalkan tajuk tesis dengan memperbaiki tesis berdasarkan komen pemeriksa dan menggunakan penerbitan yang sebelum ini.

- c) **Borang baharu yang bakal digunakan:**
 - i) LAPORAN PEMERIKSAAN TESIS (digunapakai untuk pelajar PHD kohort/kemasukan semester II sesi 2019/2020 dan semester seterusnya)
 - ii) LAPORAN PENILAIAN OLEH PEMERIKSA IJAZAH DOKTOR FALSAFAH MELALUI PENYELIDIKAN (borang Keputusan Lepas Viva) (digunapakai untuk pelajar PHD kohort/kemasukan semester II sesi 2019/2020 dan semester seterusnya)

Perkara Kedua : Program PHD Fast Track

- a) Pindaan adalah pada Pelaksanaan Program Fast Track di peringkat Penilaian Kelayakan Fast Track di mana pelajar akan menduduki penilaian samada pelajar akan mendaftar sebagai pelajar PhD atau Sarjana secara penyelidikan.
Sekiranya ditukarkan ke program Sarjana secara penyelidikan, tempoh pengajian akan dikira semula sebagai tempoh pengajian baharu. Kaedah dan perlaksanaan ini terpakai kepada pelajar yang mendaftar sebagai calon Doktor Falsafah fast track bermula semester II-2019/2020 dan seterusnya.
- b) Borang baharu yang bakal digunakan:
 - i) LAPORAN Pengerusi untuk Ujian Kelayakan ke PhD (digunapakai untuk pelajar PHD kohort/kemasukan semester II sesi 2019/2020 dan semester seterusnya)

Kedua-dua pindaan ini dan borang baharu yang dimaksudkan adalah hanya terpakai kepada pelajar yang mendaftar mulai semester II sesi Akademik 2019/2020 dan semester seterusnya.

Makluman : Semua

12.0 PENUTUP

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi dengan bacaan Tasbih Kafarah dan Surah Al-Asr.

Disediakan oleh:

Semakan Pertama:

Semakan Kedua:

**PUAN NORALIZA BT
TASIRAN**

Setiausaha Pejabat
Sekolah Pengajian
Siswazah

**PUAN EKA AMIRA BT
RAHIM**

Penolong Pendaftar
Bahagian Pengurusan Kualiti
& Akademik
Sekolah Pengajian Siswazah

**EN. MOHD ZAIRES BIN MD
DARIS**

Timbalan Pendaftar
Sekolah Pengajian Siswazah